

BAB III

KAEDAH KAJIAN

3.0 Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk:

- i) mengenalpasti masalah utama yang dihadapi oleh keseluruhan pelajar (mengikut urutan kepentingan).
- ii) mengidentifikasi perbezaan dalam masalah yang dihadapi oleh pelajar lelaki dan perempuan.
- iii) mengenalpasti perbezaan dalam masalah yang dihadapi oleh pelajar tingkatan lima dan tiga.

3.1 Latar belakang tempat kajian

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Sri Kuala Lumpur atau dikenali dengan nama ringkasnya, SRI KL. Ia adalah salah sebuah sekolah swasta yang paling awal didirikan di Selangor. Sekolah ini terletak di Jalan SS15/17A, Subang Jaya. SRI KL dikelilingi oleh tiga kolej swasta terkemuka iaitu INTI College, Taylor's College dan Metropolitan College.

Sekolah ini telah diasaskan pada 3 Januari 1979 oleh Dato' Ir. Othman Merican, yang kini menjadi Pengurus sekolah ini. Pada awal pembukaannya, sekolah ini hanya terdiri

dari rumah banglo dua tingkat di Jalan Nipah, Off Jalan Ampang, dengan bilangan guru yang amat sedikit. Walaubagaimanapun, pada penghujung tahun 1979, bilangan pelajar semakin bertambah sehingga sekolah itu terpaksa dipindahkan ke bangunan yang lebih besar di Taman Mayang. Pada tahun 1988, keputusan cemerlang yang dicapai oleh pelajar dalam peperiksaan SRP telah menambah populariti sekolah itu. Sebuah bangunan sekolah yang baru yang dilengkapi dengan dewan sekolah, gelanggang badminton, gelanggang bola tampar dan tenis didirikan. Pada tahun 1990, sekolah ini mendapat nama sebagai sekolah swasta yang mempunyai kelengkapan yang paling canggih. Menjelang tahun 1992, sebuah makmal bagi mata pelajaran Kemahiran Hidup dan makmal bahasa didirikan, menambah lagi daya tarikan sekolah.

Pada hari ini, Sekolah Menengah SRI KL telah berkembang pesat dengan bilangan pelajar lebih kurang 940 orang dan bilangan guru seramai 68 orang. Bilangan kelas adalah seperti berikut:

Tingkatan 1	-	5 buah kelas
Tingkatan 2	-	5 buah kelas
Tingkatan 3	-	7 buah kelas
Tingkatan 4	-	7 buah kelas
Tingkatan 5	-	7 buah kelas

Pada bulan Jun, 2000, Sekolah Menengah SRI KL akan mengadakan pelancaran besar-besaran, mengumumkan sekolah itu sebagai sekolah swasta pertama yang menggunakan konsep SEKOLAH BESTARI atau SMART SCHOOL. Dengan pelancaran ini, SRI KL dilengkapkan dengan peralatan komputer I MAC yang canggih sebagai persediaan ke tahun akademik 2000 yang menggunakan konsep teknologi maklumat sepenuhnya.

3.2 Sampel Kajian

Kajian ini menggunakan seramai 150 pelajar sebagai subjek/sampel kajian. Pemilihan subjek adalah seperti di bawah:

TINGKATAN	BILANGAN PELAJAR KESELURUHAN	BILANGAN RESPONDEN YANG DIPILIH		
		LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
3	218	30	30	60
5	187	30	30	60
JUMLAH RESPONDEN				120

Responden yang dipilih dibahagi samarata bilangannya mengikut jantina dan tingkatan kerana kajian ini antara lain, membuat perbandingan masalah yang dihadapi berdasarkan perbezaan jantina dan tingkatan.

Dengan menggunakan buku pendaftaran kelas bagi setiap kelas dalam tingkatan 3 dan 5, setiap pelajar dalam semua tingkatan 3 dan 5 diberi satu nombor, supaya pemilihan pelajar secara rawak dapat dilakukan. Pemberian nombor adalah seperti dibawah:

Tingkatan	Pemberian nombor mengikut jantina	
	Perempuan	Lelaki
T 3	001 - 093	094 - 218
T 5	001 - 089	090 - 187

Dengan menggunakan *Table of Random Digits*, responden dipilih secara rawak seperti berikut iaitu, 30 pelajar lelaki dan 30 pelajar perempuan dari tingkatan 3 dan 30 pelajar lelaki dan 30 pelajar perempuan dari tingkatan 5.

Pelajar tingkatan 3 dan 5 telah dipilih untuk kajian ini kerana:

- i. pelajar ini dapat mewakili golongan remaja iaitu berumur antara 15-18 tahun.
- ii. pelajar tingkatan 3 dan 5 akan menduduki peperiksaan penting iaitu PMR dan SPM. Kebanyakan dari mereka akan menumpukan perhatian kepada pelajaran mereka. Pada masa inilah, ada di antara mereka yang akan mengalami pelbagai masalah dan kesulitan dengan menjelangnya peperiksaan.

Melalui pemilihan sampel dari tingkatan 3 dan 5 ini, pelbagai masalah yang dihadapi oleh remaja boleh dikenalpasti.

Sampel kajian ini juga terdiri dari pelajar dari golongan SES tinggi kerana ibubapa mereka kebanyakannya tediri dan ahli-ahli profesional atau ahli-ahli perniagaan. Mereka

membayar yuran persekolahan sebanyak RM7,000 setahun, tanpa mengambil kira yuran peperiksaan seperti PMR dan SPM.

Sampel dari sekolah ini dipilih kerana ianya dapat memenuhi tujuan kajian iaitu untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar sekolah swasta (dan SES tinggi).

3.3 Instrumen Kajian

3.3.1 Deskripsi Instrumen

Instrumen yang digunakan ialah satu senarai soal selidik.

1. Soal Selidik

Soal selidik ini mengemukakan soalan-soalan yang telah digubal berdasarkan senarai soal selidik Mooney (Mooney Problem Checklist) yang telah diubahsuai oleh Chiam bagi pelajar di Malaysia pada tahun 1978. Sebanyak 90 item telah dipilih dan diubahsuai daripada 330 item asal. Soal selidik ini dibahagikan kepada 6 bahagian utama di mana setiap bahagian mengandungi 15 item/soalan. Pembahagiannya adalah seperti berikut:

Bahagian 1 - soalan-soalan mengenai masalah kesihatan dan perkembangan fizikal

Bahagian 2 - soalan-soalan mengenai masalah keluarga.

Bahagian 3 - soalan-soalan berkaitan masalah sosial moral dan rakan sebaya.

Bahagian 4 - soalan-soalan mengenai masalah pelajaran dan sekolah.

Bahagian 5 - soalan-soalan mengenai masalah kerjaya.

Bahagian 6 - soalan-soalan mengenai masalah kewangan

Item-item dalam soal selidik ini dibahagikan sedemikian rupa, bagi mempermudahkan pemerosesan data dan juga bagi tujuan mempermudahkan pengenalpastian masalah utama yang dihadapi oleh pelajar.

Soalan-soalan dalam soal selidik ini juga telah dipersembahkan dengan teratur bagi mempermudahkan responden memahami dan menjawabnya. Di hujung tiap-tiap item/soalan itu, disediakan dua kotak kosong untuk ditanda oleh responden. Tiap-tiap satu kotak kosong yang disediakan mewakili sama ada pelajar menghadapi masalah itu atau tidak.

Cara soalan-soalan itu diatur adalah seperti contoh di bawah:-

	Ya	Tidak
1. tidak cukup tidur	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2. cepat penat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3. selalu pening kepala	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Bagi setiap item, responden dikehendaki menanda **X** pada kotaknya yang paling sesuai.

Soal selidik ini yang lengkap mengandungi 90 item masalah adalah disertakan dalam Lampiran 1.

3.3..2 Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen

Kedua-dua soal selidik yang digunakan dalam kajian ini boleh dianggap sebagai instrumen yang sah dan boleh dipercayai. Soal selidik yang telah diubahsuai dari Mooney Problem Checklist (MPCL) adalah instrumen yang sesuai bagi menyelidiki masalah yang dihadapi oleh pelajar di Malaysia. Ini adalah kerana MPCL telah digunakan oleh Chiam (1979) di dalam kajiannya terhadap pelajar tingkatan 1 hingga 4. Kajian itu telah dilakukan terhadap 29 buah sekolah menengah di pantai barat Semenanjung Malaysia. Bagi menjamin kesesuaian MPCL kepada pelajar Malaysia, Chiam telah mengubahsuai beberapa konsep dan perkataan penting yang digunakan dalam MPCL asal.

Selain daripada Chiam, MPCL (sama ada yang asal, atau yang telah diubahsuai oleh pengkaji-pengkaji tertentu bagi maksud penyelidikan mereka) telah juga digunakan dalam kajian-kajian tempatan yang lain. Di antaranya ialah Rohana Zubir (1974) dalam kajiannya terhadap 640 pelajar lelaki dan perempuan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Jamaliah Ahmad (1986) dan Wang Chee Seng (1980) telah juga menggunakan MPCL yang diubahsuai dalam kajian-kajian mereka terhadap pelajar-pelajar sekolah menengah.

Dalam arena antarabangsa, MPCL telah digunakan secara meluas bagi mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pelajar. (Pflieger, 1947; Morris, 1954; Abel & Gingles, 1965; Morgan 1969; Cohen, 1972; domina & DeGroote, 1978).

Melalui kajian Cohen (1972) didapati bahawa Kolerasi Koefisyen (test-retest) bagi MPCL adalah .90 hingga .98. Ini membuktikan bahawa MPCL adalah instrumen yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dalam mengkaji masalah remaja bersekolah. Malah dalam kajian di Malaysia, didapati bahawa Korelasi Koefisyen 'test-retest' bagi MPCL adalah di antara .69 hingga .82. Korelasi ini juga menunjukkan kebolehpercayaan MPCL yang tinggi.

Kesahan MPCL juga tidak dapat dipertikaikan. Apabila kesahan instrumen ini dikaji, didapati bahawa Korelasi 'Pearson Product Moment' di antara pelbagai bidang masalah adalah tinggi dan positif. Kesahan MPCL turut diiktiraf oleh McIntrye (1953).

Yang jelas ialah soal selidik yang digunakan dalam kajian ini yang telah diubahsuai dari MPCL mempunyai tahap kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

3.4 Kaedah Mengumpul dan Menganalisa Data

3.4.1 Kaedah Mengumpul Data

Soal selidik diedarkan serentak oleh pengkaji kepada 120 respondelelaki dan perempuan yang telah dipilih dari tingkatan 3 dan 5. Soal selidik ini tidak diedarkan pada masa-

masa yang berlainan kepada tingkatan yang berlainan bagi mengelakkan perbincangan di kalangan responden yang terpilih.

Di atas persetujuan dan kerjasama pengetua sekolah, dewan sekolah Menengah SRI KL telah digunakan. Dewan ini sudah sedia dilengkapi dengan lebih 200 kerusi dan meja bagi tujuan peperiksaan. Soal selidik ini tidak dilakukan pada waktu pelajar mempunyai kelas, tetapi ditabdir pada waktu 'mentor' yang diadakan selama 50 minit pada setiap hari Rabu di sekolah ini. Pada masa ini, selalunya pelajar akan dikumpulkan dalam kelas-kelas tertentu dan diberi bimbingan dan panduan oleh guru dalam pelbagai hal. Oleh itu, masa ini dianggap paling sesuai kerana pengkaji tidak perlu mengganggu pelajar dari mengikuti pelajaran mereka.

Sebelum soal selidik diedarkan, pelajar diberi penerangan mengenai cara-cara untuk memahami dan menjawabnya. Tujuan soal-selidik itu juga diterangkan secara ringkas kepada responden. Mereka diperingatkan supaya tidak berbincang antara satu sama lain dan dinasihatkan supaya memberi respons sejujur mungkin. Masa yang diambil untuk mengisi soal selidik itu ialah antara 30-40 minit. Pengkaji sendiri mengawasi dewan ketika responden mengisi soal selidik. Pengkaji dibantu oleh tiga orang guru sekolah itu.

3.4.2 Kaedah Menganalisa Data

Semua respons yang diperolehi dari senarai item / soalan di dalam soal selidik akan dianalisa dan melalui analisa itu:

- i. markah min dan purata peratus bagi pelajar untuk setiap bidang masalah akan dicari. Melalui markah min dan peratus ini, pangkatan (ranking) di antara enam bidang masalah akan ditentukan.
- ii. bagi mendapatkan perkara yang menjadi masalah utama dalam setiap satu bidang, peratusan bagi setiap item dalam setiap satu bidang itu akan dikira. Susunan kedudukan pangkatan item dalam satu-satu bidang masalah akan diperolehi melalui nilai peratus tersebut.
- iii. bagi melihat sama ada terdapat perbezaan masalah yang dihadapi di antara pelajar perempuan dan lelaki serta perbezaan masalah yang dihadapi di antara pelajar tingkatan lima dan tingkatan tiga, kaedah statistik ujian t (t-test) digunakan

Kesemua pengolahan data seperti yang disebutkan di atas akan diperolehi dengan memproses data melalui komputer.